

**KEBOLEHGUNAAN KIT PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAGI  
MENINGKATKAN PRESTASI PELAJAR :  
SATU TINJAUAN DI KUITTHO**

**NORZAINARIAH BT. ABU HASSAN**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional  
Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn

MAC 2004

**DEDIKASI**

*Khas buat kedua-dua insan yang disayangi dan dihormati,*

*Ayahanda, Abu Hassan b. Sidik*

*&*

*Bonda, Kalsom bt. Abdullah*

*Jasamu tak dapat ku balas dengan kata-kata,  
Jerima kasih yang tidak terhingga di atas  
sokongan, semangat, kasih sayang dan  
segala-galanya.....*



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat dan keizinan-Nya, serta berkat dan sokongan pelbagai pihak, akhirnya tugas ini dapat melaksanakan projek sarjana ini dapat disiapkan seperti mana yang dirancangan.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih kepada penyelia projek iaitu, Prof. Madya Hj. Sapon b. Ibrahim di atas segala bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan. Segala pandangan, komen dan nasihat yang diberikan amat berguna dan banyak membantu dalam menghasilkan kajian dan penulisan ini.

Ribuan terima kasih juga kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam, Sesi 2 2003/2004 dari Jabatan Kejuruteraan Teknologi Pembinaan dan Alam Sekitar dan semua juruteknik di Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Seterusnya, ucapan terima kasih ditujukan untuk ibubapa, keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberikan buah fikiran dalam menghasilkan kajian ini. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan penyelidikan ini. Semoga pengorbanan serta sumbangan kalian mendapat rahmat dari-Nya. InsyaAllah.

## ABSTRAK

Penggunaan alat bahan bantu mengajar (ABBM) memberi sumbangan yang amat besar dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan pelajar. ABBM dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam kaedah pengajaran guru yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman. Berdasarkan pernyataan ini, satu kajian dibuat bagi meninjau kebolegunaan kit pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan prestasi pelajar. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pencapaian dan motivasi pelajar apabila kit pengajaran dan pembelajaran digunakan serta mengenalpasti kebolegunaan kit ini. Dengan menggunakan kaedah tinjauan berbentuk '*Quasi Experimental Design*' (*PreTest – PostTest Control Group Design*), seramai 60 responden yang terdiri daripada pelajar Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn telah dibentuk kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan percubaan. Kumpulan kawalan mengalami proses pembelajaran menggunakan kaedah konvensional manakala kumpulan dirawat menggunakan kit pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian membuktikan bahawa prestasi pelajar meningkat apabila kit pengajaran dan pembelajaran digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



## ABSTRACT

The usage of audio visual aids has contributed a great deal in enhancing the quality of teaching and learning process amongst teachers and students. Audio visual aids has solved in many ways problems arised in the teaching method which always changed from time to time. Based on this statement , one survey was done to evaluate the effectiveness of training package in the teaching and learning process in order to increase students' performance. The objective of this survey is to identify students' achievement and motivation in utilizing the training package and its effectiveness. Quasi - Experimental Research Design (Pre Test – Post Test Control Group Design) was used in which 60 students of Bachelor in Civil Engineering Technology at Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) were assigned into treatment and control groups. The treatment group underwent the learning process in which the training package was used while the control group underwent the learning process by conventional method. The findings of the study indicates that the usage of training package resulted a tremendous output in the students' performance.



## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	Halaman Judul	i
	Halaman Pengakuan	ii
	Halaman Dedikasi	iii
	Halaman Perhargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Isi Kandungan	vii
	Senarai Jadual	xi
	Senarai Rajah	xiii
	Senarai Lampiran	xiv
	Senarai Singkatan	xv
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Tujuan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	6

1.6	Persoalan Kajian	6
1.7	Hipotesis Kajian	7
1.8	Kepentingan Kajian	8
1.9	Skop Kajian	9
1.10	Definisi Istilah dan Pengoperasian	9

## II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	13
2.2	Motivasi	14
2.3	Faedah Motivasi Dalam Pembelajaran	16
2.4	Keberkesanan Penggunaan Bahan Bantuan Mengajar	17
2.5	Kepentingan Bahan Bantuan Mengajar	18
2.6	Kaedah Menggunakan Bahan Bantuan Mengajar	23
2.7	Mata Pelajaran Kejuruteraan Jalanraya	24
	2.7.1 Sukatan Mata Pelajaran	25
2.8	Kesimpulan	26

## III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	27
3.2	Rekabentuk Kajian	28
3.3	Produk Kajian	30
3.4	Sampel Kajian	31
3.5	Batasan Kajian	31
3.6	Kajian Rintis	32
	3.6.1 Kebolehpercayaan	32
3.7	Instrumen Kajian	35

3.8	Prosedur Kajian	38
3.9	Cara Pelaksanaan	39
3.10	Kaedah Penganalisan Data	40
3.11	Andaian-andaian Metodologi	43

#### IV REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

4.1	Pendahuluan	44
4.2	Latar Belakang Penghasilan Produk	44
4.3	Reka bentuk Produk	45
	4.3.1 Bentuk dan Ciri-ciri Produk	45
	4.3.2 Kandungan Produk	46
4.4	Permasalahan Dalam Pembinaan Produk	49
4.5	Penilaian Produk	50
4.6	Penutup	50

#### V ANALISIS DATA

5.1	Pendahuluan	51
5.2	Demografi Responden	52
5.3	Analisis Pencapaian Pelajar	53
	5.3.1 Pencapaian Pelajar Dalam Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Dirawat	53
	5.3.2 Penentuan Kesetaraan Kumpulan	55
	5.3.3 Pencapaian Pelajar Selepas Pengujian	57
	5.3.4 Rumusan Bagi Analisis Pencapaian Pelajar	58
5.4	Analisis Unsur Motivasi Pelajar	59



5.5	Analisis Kebolegunaan Kit Pengajaran Dan Pembelajaran	61
5.6	Analisis Keseluruhan	63
5.7	Analisis Temu Bual	65
5.8	Kesimpulan	66

## VI PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	67
6.2	Perbincangan Hasil Kajian	68
6.3	Komen dan Masalah	71
6.4	Cadangan Pembaikan Produk	72
6.5	Rumusan dan Cadangan	74

## RUJUKAN



## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Penilaian Kebolehpercayaan, $\alpha$	33
3.2	Kebolehpercayaan Kajian Rintis	33
3.3	Kebolehpercayaan Kajian Rintis Bagi Unsur Motivasi	34
3.4	Kebolehpercayaan Kajian Rintis Bagi Kebolehgunaan Kit Pengajaran dan Pembelajaran	34
3.5	Skala Likert	37
3.6	Tafsiran Statistik Deskriptif ( Min )	42
5.1	Taburan Demografi Pelajar	52
5.2	Dapatan Ujian- <i>t Paired Samples</i> Bagi Kumpulan Kawalan	54
5.3	Dapatan Ujian- <i>t Paired Samples</i> Bagi Kumpulan Dirawat	55
5.4	Dapatan Ujian- <i>t</i> Perbezaan Skor Min Ujian Pra Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Dirawat	56
5.5	Dapatan Ujian- <i>t</i> Perbezaan Skor Min Ujian Pos Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Dirawat	57
5.6	Analisis Deskriptif Unsur Motivasi	60
5.7	Analisis Diskriptif Kebolehgunaan Kit Pengajaran dan Pembelajaran	62



## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Peratusan Deria Digunakan Untuk Mengingat	21
3.1	Kerangka Rekabentuk Kajian	29
3.2	Carta Alir Prosedur Kajian	38



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI LAMPIRAN****LAMPIRAN                      TAJUK**

- |   |                                |
|---|--------------------------------|
| A | Ujian Pra dan Ujian Pos        |
| B | Borang Soal Selidik            |
| C | Ujian Kepercayaan Soal Selidik |
| D | Output SPSS                    |
| E | Soalan Temu Bual               |



PTITA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

ABBM	:	Alat Bahan Bantu Mengajar
KUiTTHO	:	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
PTV	:	Pendidikan Teknik dan Vokasional
SPSS	:	Statistical Packages for Social Sciences
P & P	:	Pengajaran dan Pembelajaran



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Dalam sistem pendidikan pada hari ini, proses pengajaran dan pembelajaran diuruskan secara sistematik. Proses ini merupakan satu interaksi antara tiga pihak iaitu guru, pelajar dan isi pelajaran. Konsep bagi sesuatu isi pengajaran dan pembelajaran disampaikan melalui pelbagai teknik atau kaedah tertentu supaya pembelajaran berlaku dalam masa yang singkat dan objektif pengajaran dapat dicapai. Bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar, alat bahan bantu mengajar (ABBM) memainkan peranan yang penting. Penggunaan ABBM dapat menyalurkan maklumat kepada pelajar tentang sesuatu yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar dengan lebih jelas dan bersistematik dalam pengajaran. ABBM boleh dikelaskan kepada dua kategori iaitu elektronik dan bukan elektronik. Contoh bagi kategori elektronik adalah televisyen, radio, video, projektor slaid dan komputer. Manakala dalam kategori bukan elektronik pula adalah seperti model, kad imbasan, majalah, jurnal, gambar yang berkaitan dengan pengajaran yang diajar.

Menurut pernyataan yang diperkataan oleh bekas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Tan Sri Dr Wan Zahid Bin Mohd Nordin,

“ Anjakan paradigma diperlukan dalam cara kita memikirkan tentang penggunaan teknologi di institusi pendidikan ”.

Segala ketelitian dan corak perubahan amat diperlukan bagi memastikan segala maklumat pengajaran dapat disampaikan kepada pelajar dengan pelbagai teknik serta keperluan ABBM kepada pensyarah. Beberapa ABBM perlu dibangunkan untuk dijadikan pilihan kepada guru-guru untuk menggunakannya. ABBM ini perlu diurus, disimpan dan digunakan bagi memastikan ianya dapat membantu pelajar dalam proses pembelajaran.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Perkembangan bidang teknologi memainkan peranan penting dan menjadi asas yang kukuh dalam bidang pendidikan masa kini. Perkembangan teknologi mencipta peralatan pengajaran memberi kesan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran oleh guru dan mempercepatkan proses pembelajaran di kalangan pelajar. Pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lebih menarik jika teknologi pengajaran dapat dimanfaatkan dan diaplikasikan dengan sepenuhnya. Penggunaan bahan bantuan mengajar memberi sumbangan yang amat besar dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan pelajar. Bahan bantuan mengajar ini dapat menyelesaikan pelbagai masalah dalam kaedah pengajaran guru yang sentiasa berubah mengikut peredaran zaman.



Menurut Mohd. Zairie (2003), terdapat pelbagai kemudahan ABBM seperti OHP, komputer dan LCD (*Liquid Crystal Display*) disediakan oleh pihak Politeknik Port Dickson bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Walaupun kemudahan ini banyak disediakan, pensyarah masih kurang menggunakan ABBM tersebut dalam proses pengajaran mereka. Kebanyakannya masih menggunakan papan tulis sebagai bahan bantuan mengajar yang utama untuk menyampaikan isi pelajaran berbanding dengan penggunaan ABBM yang lain. Menurut Engku Shahrulerizal (2003) pula, kebanyakan pensyarah hanya menggunakan papan tulis kerana ABBM yang disediakan agak terhad dan tidak mesra pengguna. Pensyarah agak sukar menggunakan ABBM kerana kemudahan tersebut tidak disediakan di dalam bilik darjah dan tempahan alatan terpaksa dilakukan lebih awal sebelum seisi pengajaran dijalankan. Begitu juga Asiah (2004) yang menyatakan bahawa pensyarah amat jarang menggunakan ABBM bagi mata pelajaran Kejuruteraan Jalanraya. Penggunaan OHP pula hanya diaplikasikan mengikut keadaan, manakala pengajaran hanya berpandukan kepada nota edaran berbentuk slaid Power Point.

Penggunaan papan tulis merupakan kaedah tradisi yang masih dipraktikkan hingga kini. Ia mempunyai kelemahan seperti guru mengalami kesukaran dalam menyampaikan sesuatu konsep yang kompleks. Kegagalan menyampaikan isi pelajaran dengan jelas menyebabkan pelajar berasa bosan, kurang bersemangat dan menganggap subjek tersebut sukar. Menurut Omardin Ashaari (1999), penggunaan papan tulis sebagai ABBM merupakan suatu kaedah untuk menyampaikan pengajaran yang telah lama digunakan oleh para pendidik. Walau bagaimanapun, penggunaan papan tulis sebagai ABBM memerlukan kemahiran tertentu supaya pengajaran yang dijalankan akan mendatangkan manfaat dan dapat diikuti oleh pelajar sepenuhnya. Guru perlu menguasai kemahiran tersebut secara tersusun dan teratur sebelum menggunakan papan tulis sebagai ABBM. Jesteru itu, jika guru tidak mempunyai kemahiran tersebut, maka pengajaran menjadi tidak bermakna dan berkesan kepada pelajar malah pelajaran yang dilaksanakan tidak akan menarik minat pelajar. Di sini, keperluan ABBM untuk meningkatkan prestasi pelajar dalam proses pembelajaran dapat dilihat kerana

kelemahan papan tulis dapat diatasi dengan kaedah mempelbagaikan bahan pengajaran oleh guru.

Penggunaan ABBM adalah sangat dituntut. Menurut Edgar (1965) melalui Zuhaida Iberahim (2002), ABBM mampu merangsang minat yang tinggi dalam diri pelajar. Di samping dapat menarik minat belajar, ABBM juga membantu meningkatkan kemahiran dan memperkayakan pengalaman mereka dalam subjek tersebut. Ini menunjukkan ABBM merupakan faktor penggalak kepada proses pembelajaran. Dalam erti kata yang lain, ABBM merupakan satu dasar yang kukuh untuk perkembangan pengetahuan serta kefahaman pelajar.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Di dalam proses pembelajaran, hanya sebahagian pelajar yang dapat memahami dengan jelas tentang apa yang diajarkan oleh guru manakala yang lain perlu diberikan sokongan pembelajaran. Di sinilah perlunya ABBM dalam mempelbagaikan kaedah dan bahan pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan ABBM yang relevan dapat menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan objektif dapat dicapai dengan lebih mudah. ABBM lebih baik disediakan oleh guru yang mengajar subjek berkenaan. Pelbagai ABBM boleh disediakan untuk sesuatu subjek. Pelbagai ABBM tersebut disimpan di dalam satu bekas yang dinamakan kit pengajaran dan pembelajaran. Ini membolehkan urusan pengesanan, pengurusan dan penyimpanan lebih sistematik.

Dalam konteks kajian ini, kit pengajaran dan pembelajaran adalah pakej ABBM yang disediakan oleh pelajar kursus Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn. Di dalam kit pengajaran dan pembelajaran ini, terdapat bahan pengajaran berbentuk video, nota edaran, transparensi, cakera padat e-album, slaid power point, buku skrap, model dan carta. Kit yang dibangunkan ini adalah merupakan produk yang masih baru yang belum ditinjau dari segi kesahan isi kandungan, reka bentuk dan kesan penggunaannya. Penggunaan kit ini dijangka mendatangkan kesan minat, seronok dan bersemangat termasuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam bidang akademik. Oleh yang demikian, satu tinjauan perlu dilakukan untuk menentukan kebolehgunaan kit pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan prestasi pelajar dalam proses pembelajaran. Bagi tujuan ini, satu kit pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Kejuruteraan Jalanraya dibangunkan sebagai produk kajian. Selepas mendapat pengesahan dari penilai produk, satu kajian dilakukan bagi melihat samada ia dapat meningkatkan prestasi pelajar dalam pembelajaran.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk meninjau kebolehgunaan kit pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan prestasi pelajar bagi mata pelajaran Kejuruteraan Jalanraya di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.



### 1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah untuk:

- a) Mengetahui pencapaian pelajar selepas pengajaran menggunakan kit pengajaran dan pembelajaran.
- b) Mengetahui sama ada pelajar bermotivasi apabila kit pengajaran dan pembelajaran digunakan.
- c) Mengetahui kebolegunaan kit pengajaran dan pembelajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### 1.6 Persoalan Kajian

Soalan kajian adalah seperti berikut:

- a) Sejauh manakah perbezaan pencapaian pembelajaran antara pelajar yang menggunakan kit pengajaran dan pembelajaran Kejuruteraan Jalanraya dengan pelajar yang tidak menggunakan kit ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran?
- b) Sejauh manakah penggunaan Kit Pengajaran dan Pembelajaran Kejuruteraan Jalanraya dapat meningkatkan motivasi pelajar?

- c) Sejauh manakah kebolegunaan kit pengajaran dan pembelajaran ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran?

### 1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis bagi persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

a) **Hipotesis 1**

**Hipotesis Nul** : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markah ujian pra dengan min markah ujian pos kumpulan kawalan dan kumpulan percubaan.

b) **Hipotesis 2**

**Hipotesis Nul** : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi aras kesetaraan pengetahuan awal di antara pelajar yang menggunakan kit pengajaran dan pembelajaran dengan pelajar yang tidak menggunakan kit pengajaran dan pembelajaran.

c) **Hipotesis 3**

**Hipotesis Nul** : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara min markah ujian pos di antara pelajar yang menggunakan kit pengajaran dan pembelajaran dengan pelajar yang tidak menggunakan kit pengajaran dan pembelajaran.

### 1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan kepentingan terhadap pihak pensyarah dan pelajar. Kepentingan bagi kajian ini adalah untuk membuktikan bahawa ABBM dapat meningkatkan prestasi pelajar dan perlu digunakan untuk mata pelajaran Kejuruteraan Jalanraya. Dengan terhasilnya kit pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai kaedah dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pelajar akan dapat belajar dengan lebih sistematik dengan kaedah pengajaran yang pelbagai oleh pensyarah.

Selain daripada itu, kepentingan kajian ini adalah terhadap pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional KUiTTHO supaya dapat memperbaiki kelemahan kit yang dibangunkan. Kajian ini juga memberikan kepentingan terhadap KUiTTHO di mana cadangan bagi mempertingkatkan mutu kit pengajaran dan pembelajaran dapat dipertimbangkan dengan menyediakan lebih banyak alatan dan kemudahan berteknologi tinggi bagi kegunaan pelajar. Kepentingan kajian ini bagi Pendidikan Teknik dan Vokasional pula secara amnya memberikan idea bagi meningkatkan prestasi pelajar dengan kaedah pengajaran yang lebih efektif lagi. Ini seterusnya dapat mewujudkan pelajar yang lebih berkualiti dan berdaya saing.



### 1.9 Skop Kajian

Kajian yang dijalankan tertumpu kepada pelajar Jabatan Teknologi Kejuruteraan Pembinaan dan Alam Sekitar, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn yang mengambil mata pelajaran Kejuruteraan Jalanraya. Jumlah responden adalah seramai 60 orang. Kajian ini hanya untuk menilai kit pengajaran dan pembelajaran yang dibangunkan sahaja iaitu bertajuk Kejuruteraan Jalanraya.

### 1.10 Definisi Istilah dan Pengoperasian

Terdapat beberapa istilah dan pengoperasian yang digunakan dalam tajuk kajian ini. Antara istilah utama yang digunakan ialah:

#### a) Kit Pengajaran dan Pembelajaran

Kit Pengajaran dan Pembelajaran Kejuruteraan Jalanraya adalah pakej alat bantuan mengajar yang mengandungi pelbagai bahan pengajaran seperti video, nota edaran, transparenasi, cakera padat e-album, slaid power point, buku skrap, model dan carta sesuatu mata pelajaran bagi satu semester.

**b) Pembelajaran dan Pengajaran**

Kamus Dewan (2000) menyatakan bahawa pengajaran merujuk kepada perihal mengajar sesuatu perkara manakala pembelajaran merujuk kepada proses atau kegiatan pelajar. Pembelajaran berlaku apabila ransangan diproses oleh otak seseorang untuk menjadi pengalaman. Pengalaman ini pula akan digunakan oleh sesuatu tingkah laku atau tindakan.

**c) Prestasi**

Menurut Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (1995), prestasi bermaksud hasil yang diperolehi atau dicapai. Dalam kajian ini, prestasi membawa maksud peningkatan pencapaian dalam peperiksaan dan peningkatan motivasi dalam pembelajaran mata pelajaran Kejuruteraan Jalanraya.

**d) Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM)**

Alat bahan bantu mengajar menurut Nur Dzai (1984) melalui Isrulhasrita (2002) bermaksud alat, barang, atau benda yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membantu guru menjelaskan sesuatu perkara supaya pelajar mudah memahaminya. ABBM merangkumi bahan-bahan bagi tujuan pengajaran seperti video, nota edaran, transparenasi, cakera padat e-album, slaid power point, buku skrap, model dan carta.



## RUJUKAN

Abdul Rahman Aziz (1998). “ Motivasi Dan Pembangunan Diri ”. Cetakan Kedua.  
Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors.

Ainon Mohd., Abdullah Hassan (2002). “ Guru Sebagai Pendorong Dalam Bilik  
Darjah ”. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur : PTS Publication & Distributors.

Asiah Ariffin (2004). “ Kaedah Pengajaran di Politeknik Port Dickson, Negeri  
Sembilan ” : Perbualan Telefon ( 2.30 petang / 26 Januari 2004).

Baharuddin Aris, Noraffandy Yahya, Jamalluddin Haji Harun dan Zaidatun Tasir  
(2000). “ Teknologi Pendidikan : Modul Pembelajaran ”. Johor : Universiti  
Teknologi Malaysia.

Engku Shahrulerizal Engku Ab. Rahman (2003). “ Kemudahan ABBM di Politeknik  
Kuching, Sarawak ” : Perbualan Telefon ( 8.30 malam / 24 Julai 2003).

Ee, Ah Meng (1990). “ Pedagogi : Satu Pengenalan ”. Cetakan Ketiga. Petaling Jaya :  
Fajar Bakti.

Ee, Ah Meng (1992). “ Psikologi Perkembangan : Aplikasi Dalam Bilik Darjah ”.  
Cetakan Ketiga. Petaling Jaya : Fajar Bakti.

Ee, Ah Meng (2003). "Psikologi Pendidikan II". Cetakan Kedua. Selangor : Fajar Bakti.

Hopkin, Stanley dan Hopkins (1990). "Education and Psychological Measurement and Evaluation". Massachusetts : Allyn & Bacon.

Isrulhasnita (2002). "Tinjauan Kesan Penggunaan Pakej Pengajaran Multimedia Ke Atas Sikap Pelajar Terhadap Proses Pembelajaran di Politeknik". Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.

Kamarudin Haji Husin (1986). "Pegagogi 2". Kuala Lumpur : Longman.

Kamus Dewan (2000). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lendell K. (1997). "Management By Menu". London : Wiley And Sons. Inc.

Mohd. Najib Ghafar (1998). "Penyelidikan Pendidikan". Johor Bahru : Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Zairie Zainal Abidin (2003), "Penggunaan ABBM di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan" : Perbualan Telefon ( 9.00 malam / 1 Julai 2003).

Mok, Soon Sang (2003). "Psikologi Pendidikan : Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester 3". Cetakan Kedua. Subang Jaya : Kumpulan Budiman.

Naim Haji Ahmad (1986). “ Teknologi Pendidikan : Satu Pengenalan Kursus Asas Pendidikan Sekolah Ugama Terengganu ”. Serdang : Universiti Pertanian Malaysia.

Omarin Ashaari (1999). “ Pengajaran Kreatif Untuk Pembelajaran Aktif ”. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pejabat Pusat Pengajian Akademik (2002). “ Panduan Menulis Tesis ”. Batu Pahat: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.

Rabiatol Adawiyah Hashim, Leela Rajaratnam (1992). “ Pengurusan Bilik Darjah ”. Cetakan Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Heinich, R., Molenda, M., Russell, J.D., Smaldino, S.E., (2002). “ Instructional Media and Technologies for Learning ”. Edisi Ketujuh, Ohio : Merrill Prentice Hall.

Brown, S., Armstrong, S., Thompson G., ( 1998). “ Motivating Students ”. Cetakan Pertama. England : Clays Ltd.

Wiersma,W. (1991). “ Research Methods in Education ”. Cetakan Kedua. Boston : Allyn & Bacon.

Yusup Hashim (2002). “ Teknologi Pengajaran ”. Cetakan Kedua. Selangor : Fajar Bakti.

Zaidatun Tasir, Mohd Salleh Abu (2003). “ Analisis Data Berkomputer : SPSS 11.5 for Windows ”. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur : Venton Publishing.

Zainal Abidin Safarwan (1995). “ Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan ”. Cetakan Pertama. Selangor : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.



Zuhaida Ibrahım (2002). “ Kesan Penggunaan ABBM Dalam Mata Pelajaran C213  
Teknologi Binaan dan Bahan : Kajian Kes di Politeknik Kota Bharu ”. Kolej  
Universiti Teknologi Tun Hussein Onn : Tesis Sarjana.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH